

OIC perlu bekal senjata bantu Hizbullah

Um- 8/8/2006

Oleh HATA WAHARI

OIC perlu mengambil langkah membantu Hizbullah dengan cara AS membantu Israel dan perlu dilakukan bagi mengimbangi keadaan

DR. MAHATHIR MOHAMAD
Bekas Perdana Menteri

TRONOH 7 Ogos – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu membekalkan senjata kepada pejuang Hizbullah di Lebanon untuk mempertahankan diri daripada serangan tentera Israel.

Dr. Mahathir menegaskan, pejuang Hizbullah terpaksa berjuang bersendirian tanpa bantuan dari mana-mana pihak, sedangkan Israel mendapat pelbagai bantuan dari Amerika Syarikat (AS).

“Kalau Israel mendapat bantuan senjata dari AS, maka OIC kalau boleh bagilah senjata kepada Hizbullah,” katanya.

Beliau yang merupakan Canselor UTP berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan syarahan perdana ‘Cabaran-Cabaran Mentadbir Sesebuah Negara’ di Universiti Teknologi Petronas (UTP) di sini hari ini.

Beliau mengulas keadaan tidak seimbang di Lebanon di mana pejuang-pejuang Hizbullah terpaksa mempertahankan diri daripada serangan rejim Yahudi dengan senjata yang minimum sedangkan Israel menggunakan senjata canggih dibekalkan oleh AS.

Katanya, rejim Yahudi itu tidak boleh melakukan apa-apa kalau tidak ada bantuan senjata, duit, latihan dan sebagainya dari

pada AS.

“OIC perlu mengambil langkah membantu Hizbullah dengan cara AS membantu Israel dan perlu dilakukan bagi mengimbangi keadaan di Lebanon yang hanya memihak kepada rejim Yahudi tersebut,” katanya.

Beliau memberitahu, kecaman masyarakat dunia sepatutnya bukan sahaja tertumpu kepada Israel tetapi juga kepada AS dan Presidennya, George Bush yang menyokong dan menghantar senjata kepada rejim Yahudi itu.

Sementara itu, ketika dialog dengan para peserta, Dr. Mahathir memberitahu, jumlah orang Yahudi di seluruh dunia hanyalah 30 juta berbanding populasi umat Islam berjumlah 1.5 bilion dan rejim Yahudi itu tidak boleh melakukan apa-apa tanpa sokongan dan bantuan AS.

“Orang Yahudi hanya 30 juta tetapi yang memberi kekuatan kepada mereka ialah AS yang sepatutnya dikecam tetapi kita tidak kecam negara itu sebaliknya hanya kecam dan marah terhadap rejim Yahudi,” katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, beliau percaya umat Islam perlu marah kepada Yahudi dan AS.

Beliau menegaskan, umat Islam juga perlu marah kepada negara-negara Islam kerana simpan wang dan menggunakan duit dolar AS kerana tanpa wang tersebut negara itu akan bankrap.

“Banyak negara-negara Islam yang menyimpan wang dan berurusan dalam dolar AS walaupun pernah cuba dinasihatkan supaya mengurangkannya,” kata beliau.

Dr. Mahathir yang juga penasihat Petronas berkata, malangnya Malaysia dan juga syarikat minyak negara ini turut membuat urusan jual beli menggunakan dolar AS yang memberikan nilai kepada mata wang tersebut.

“Duit inilah yang digunakan oleh AS untuk membina peluru berpandu, pesawat pejuang dan pelbagai senjata untuk dibekalkan kepada Israel bagi memusnahkan Lebanon, Palestin dan Iraq,” katanya.

DR. Mahathir Mohamad bersalaman dengan sebahagian pelajar Universiti Teknologi Petronas semasa menyampaikan Syarahan Perdana di universiti tersebut di Tronoh, semalam.

